



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA.BK(S)241/82/1 Jld.3({)

Tarikh : 29 Mac 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

PELAKSANAAN KAEDAH PUSAT PENILAIAN KHAS BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG BERKHIDMAT SELAMA 15 TAHUN KE ATAS DAN AKAN BERSARA DALAM TEMPOH 2 TAHUN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada keputusan Kerajaan supaya Pegawai Kumpulan Sokongan yang berkhidmat 15 tahun dan lebih serta masih berada di gred lantikan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) setelah memenuhi syarat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009.

2. Bagi memastikan urusan kenaikan pangkat ini menepati matlamatnya, Kerajaan telah memutuskan semua pegawai perlu dinilai tahap penguasaan kompetensi mereka sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat. Sehubungan itu, satu kaedah penilaian telah dibangunkan mengambil kira faktor pengalaman kerja, tempoh perkhidmatan dan usia pegawai berkenaan. Kaedah penilaian ini dikenali sebagai **Pusat Penilaian Khas** bagi pegawai-pegawai kumpulan sokongan yang berkhidmat selama 15 tahun ke atas dan akan bersara dalam tempoh 2 tahun tetapi masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan di gred lantikan.

3. Kaedah Pusat Penilaian Khas ini menggunakan aktiviti-aktiviti penilaian berikut :


Komponen	Aktiviti
i) Generik	Perbincangan Kes/Temu duga Berkumpulan
ii) Fungsional	Pembentangan Hasil kerja

Kaedah ini tidak menggunakan ujian bertulis sebagai elemen penilaian. Panduan Pelaksanaan kaedah pusat penilaian khas ini adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Kaedah penilaian ini telah diselaraskan mengikut tahap kesukaran yang bersesuaian dengan skim perkhidmatan dan gred pegawai bagi memberi peluang kepada calon melepasi tahap kompetensi pada Aras III dan boleh dipertimbangkan bagi tujuan memenuhi satu daripada syarat kenaikan pangkat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k. :

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PANDUAN PELAKSANAAN PUSAT PENILAIAN KHAS BAGI PEGAWAI-
PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG BERKHIDMAT SELAMA 15 TAHUN
KE ATAS DAN AKAN BERSARA DALAM TEMPOH 2 TAHUN**

1. PEGAWAI YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN:

Pegawai yang layak mengikuti **Pusat Penilaian Khas** adalah seperti berikut:

- (a) akan bersara wajib dalam tempoh 2 tahun dan telah memenuhi syarat berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan berkenaan;
- (b) mereka yang dapat mengenakan tempoh berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh persaraan wajib, juga boleh dipertimbangkan;
- (c) masih belum lulus PTK yang ditetapkan di gred lantikan; dan
- (d) kaedah ini tidak dipanjangkan kepada pegawai-pegawai yang memilih untuk bersara pilihan memandangkan mereka sudah mempunyai perancangan masa depan yang tersendiri.

2. KAEDAH PENILAIAN:

- a) Aktiviti **Perbincangan Kes** merupakan perbincangan secara lisan yang diadakan dalam kumpulan bagi menilai keupayaan untuk menyelesaikan dan mencapai keputusan terhadap sesuatu isu/permasalahan yang diberi.
- b) Aktiviti **Temu duga Berkumpulan** pula adalah soal jawab yang dilaksanakan di dalam kumpulan dan penilaian diberikan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh setiap individu.
- c) Aktiviti **Pembentangan Hasil Kerja** adalah penilaian yang berasaskan pembuktian hasil kerja yang di bentang/laporkan kepada panel penilai selaras dengan kompetensi gred jawatan.

3. KEPUTUSAN PENILAIAN:

Keputusan terbaik yang boleh dipertimbangkan adalah **lulus pada Aras III sahaja** kerana kaedah penilaiannya telah diselaras dan disesuaikan mengikut tahap kesukaran skim perkhidmatan dan gred pegawai tersebut.

4. SUKATAN PENILAIAN:

Skop penilaian adalah berdasarkan sukatan penilaian mengikut skim, gred dan tahap kecekapan berkaitan.